

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 JANUARI 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bioeconomy Corp komersialkan sehingga 10 produk R&D pada 2017	BERNAMA
2.	Kecewa hasil penyelidikan tidak dikomersialkan	Utusan Malaysia
3.	Elak terkena renjatan elektrik	KOSMO
4.	Guna perkakas elektrik yang mendapat kelulusan SIRIM	KOSMO
5.	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga Isnin	BERNAMA



Bioeconomy Corp Komersialkan Sehingga 10 Produk R&D Pada 2017

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- **Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corp)** dijangka mengkomersialkan lima hingga 10 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang baharu menjelang akhir tahun.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corp Syed Agil Syed Hashim berkata produk tersebut terdiri daripada produk asli hingga makanan dan minuman, selain produk kesihatan.

Di bawah Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016, Bioeconomy Corp telah menyumbang 11 produk, katanya selepas pelancaran pelbagai produk yang dikeluarkan oleh Persona Kosmetik, jenama di bawah Clara International Beauty Group, di sini hari ini.

Bioeconomy Corp, adalah di **bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**, sebelum ini dikenali sebagai BiotechCorp.

MOSTI telah menetapkan sasaran 360 produk baharu yang berdaya saing di peringkat global untuk pengkomersialan menjelang 2020, dengan Petunjuk Prestasi Utama yang melibatkan komitmen daripada setiap agensi yang terlibat dalam R&D dan pembangunan teknologi.

Syed Agil berkata peranan Bioeconomy Corp adalah untuk mengukuhkan dan menyokong syarikat berstatus BioNexus seperti Persona Kosmetik untuk menjadi juara berasaskan bio di peringkat tempatan.

Sehingga Disember 2016, Bioeconomy Corp telah membantu 278 syarikat berstatus BioNexus, dan 53 daripadanya bertindak sebagai syarikat utama dalam Program Transformasi Bioekonomi Bioeconomy Corp yang menumpukan kepada projek pembangunan berasaskan bio yang mampan, katanya.

"Sebanyak 53 syarikat berstatus BioNexus telah menjana perolehan sebanyak RM555 juta dan mencatatkan RM532 juta nilai pelaburan yang direalisasikan, sehingga akhir 2016.

"Ini menunjukkan impak yang besar yang boleh dimiliki oleh syarikat berasaskan bio dalam industri kosmetik," katanya.

Syed Agil berkata Persona Kosmetik turut mengambil bahagian dalam program keusahawanan Bioeconomy Corp selama beberapa tahun, termasuk program BioNext.

"Melalui kerjasama dengan SME Corporation Malaysia, Program BioNext merupakan antara inisiatif kami untuk meningkatkan pengkomersialan syarikat berasaskan bio ke arah mewujudkan juara global," katanya.

Ia menawarkan kepada syarikat berstatus BioNexus yang berpotensi tinggi, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana yang terlibat dalam sektor produk asli.

Melalui pendekatan yang disasarkan, katanya program itu bertujuan membantu 20 syarikat yang terpilih pada tahun ini untuk meningkatkan daya saing dan potensi komersial mereka ke arah memperluaskan capaian pasaran global mereka.

-- BERNAMA

Kecewa hasil penyelidikan tidak dikomersialkan

S EORANG penyelidik seperti Dr. Sobri Hussein pastinya bangga dengan titik peluhnya berjaya menghasilkan banyak produk yang dibiayai hasil dana daripada kerajaan. Namun beliau agak kecewa kerana banyak penyelidik di negara ini gagal mengkomersialkan penyelidikan tersebut yang sekali gus tidak boleh dimanfaatkan masyarakat. Ikuti luahan beliau kepada wartawan LAUPA JUNUS

1 Apakah kepakaran Dr. jelaskan secara ringkas?

Secara ringkasnya bidang kepakaran saya ialah bioteknologi tumbuhan dengan pengkhususan bidang seperti teknologi bioreaktor, baikbaka mutasi dan kultur tisu tumbuhan.

2 Apakah Dr. berpuas hati dengan pencapaian dari segi penyelidikan mengenai bidang kepakaran Dr. ceburi?

Secara amnya saya masih belum berpuas hati dengan bidang kepakaran ini. Seperti mana yang kita semua sedia maklum teknologi sentiasa berubah dan berkembang maju hampir setiap tahun. Justeru, kebanyakan saintis perlu bekerja keras untuk memastikan ilmu dalam bidang kepakaran masing-masing sentiasa seiring dengan arus peredaran masa.

3 Apakah perkara paling membanggakan dan paling mengecewakan sejak penglibatan dalam bidang kepakaran tersebut?

Perkara paling membanggakan saya adalah apabila berjaya membantu petani-petani meningkatkan hasil padi mereka di kawasan Kubang Anak Gajah



KEJAYAAN Dr. Sobri Hussein (dua dari kiri) dan rakan penyelidik mendapat pengiktirafan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Pendang, Kedah dan di Kampung Utan Aji, Perlis.

Inilah saat yang paling gembira bagi kami kumpulan penyelidik di Bahagian Agroteknologi dan Biosains di Agensi Nuklear Malaysia. Ini membawa maksud bahawa teknologi yang dihasilkan itu bukan hanya sekadar berjaya di dalam makmal sahaja, malah boleh dipindahkan kepada kumpulan sasaran iaitu petani.

Perkara paling mengecewakan saya apabila gagal untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan ke pasaran.

Perkara ini memang sentiasa menjadi cabaran utama kepada saintis bukan hanya kepada

saya semata mata, malah ramai saintis lain juga berpendapat yang sama. Kebiasaannya, untuk menghasilkan produk yang berkualiti, saintis perlu bekerja keras selama beberapa tahun. Selepas tempoh tersebut hasil penyelidikan haruslah di komersialkan dan sekiranya hasil tersebut tidak berjaya dikomersialkan ini merupakan satu tamparan yang hebat kepada ahli penyelidik.

4 Apakah kepentingan bidang tersebut pada masa ini di titikberatkan.

Bidang ini sangat penting kerana ia mampu menghasilkan varieti baharu yang boleh

membantu petani. Sepertimana yang sudah kita sedia maklum fenomena cuaca yang tidak menentu telah menyumbangkan pelbagai masalah kepada petani dan pekebun. Dengan adanya teknologi baikbaka mutasi untuk menghasilkan tanaman yang lebih tahan lasak.

5 Adakah kita mampu dalam bidang yang Dr. ceburi?

Pada pendapat saya negara kita mampu untuk menghasilkan lebih ramai tenaga pakar dalam bidang ini kerana banyak universiti di dalam dan juga di luar negara menawarkan bidang

teknologi nuklear.

6 Bagaimanakah bidang yang Dr. ceburi ini sepatutnya mendatangkan keseronokan?

Banyak perkara dalam bidang ini yang boleh mendatangkan keseronokan antaranya ialah menghasilkan tanaman baru. Kaedah ini sangat mudah sekiranya dibandingkan dengan kaedah tanaman transgenik yang memerlukan masa yang lama dan kaedah yang rumit.

7 Rakyat Malaysia masih tidak begitu sedar akan kepentingan bidang ini, Komen Dr.?

Sekiranya kita buat perbandingan dengan negara jiran teknologi nuklear ini sentiasa diketengahkan oleh media massa seperti rancangan televisyen akhbar tempatan, majalah pertanian, program sekolah yang melibatkan teknologi nuklear serta mereka juga menyediakan muzium teknologi nuklear untuk menjelaskan bagaimana teknologi ini boleh memberi manfaat kepada rakyat. Justeru itu, dalam menangani isu ini media massa haruslah memainkan peranan lebih penting untuk memberi kesedaran terhadap kepentingan teknologi nuklear.

8 Apakah perkara yang wajar dilakukan bagi meningkatkan kepakaran dalam bidang ini?

Wujudkan bidang pengkhususan teknologi nuklear di universiti tempatan dan swasta, serta membuka lebih banyak ruang pekerjaan di institusi yang mengaplikasikan teknologi tersebut.

BIODATA

Nama: Dr. Sobri Hussein
Jawatan: Pegawai Penyelidik Agensi Nuklear Malaysia.

Latar belakang pendidikan

- Diploma Perikanan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Kuala Terengganu (UPMKT) - 1995.
- Bachelior Sains Kepujian (Pengkhususan dalam Bioteknologi Sumber) Universiti Malaysia Sarawak - 1999.
- Doktor Falsafah Bioteknologi Tanaman, Universiti Putra Malaysia (UPM) - 2004.

ANTARA PROJEK:

- Anugerah dana Teknofund daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk projek prapengkomersialan Teknologi Bioreaktor bagi pengeluaran berskala *Plantlets in Vitro* pisang tanduk pada September 2012 berjumlah RM1.4 juta dengan kerjasama syarikat swasta.
- Mutasi aruhan dan penilaian padi mutan berhasil tinggi sebagai ketua penyelidik dengan peruntukan Tumpuan Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan Dalam (IRPA) sebanyak RM 161, 000.
- Propagasi *in vitro* kicap fatimah dan ginseng dan peningkatan sebatian bioaktif dan ramuan berfungsi menerusi sistem bioreaktor.



DR. SOBRI HUSSEIN (kiri) memasukkan benih padi dalam balang khas untuk didedahkan dengan sinaran gama.



ANAK pokok orkid yang didedahkan sinaran gama diletakkan dalam ruangan khas di Nuklear Malaysia, Bangi, Selangor.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 20 JANUARI 2017 (JUMAAT)**



RCBO ini membantu memberi perlindungan dan menutup kuasa elektrik serta merta apabila mengesan litar pintas.

KERATAN
Kosmo! 27
Julai 2016.

Pelajar wanita maut ketika mandi guna alat pemanas air



ANTARA lokasi kemalangan elektrik tertinggi ialah di pencawang elektrik.



Elak terkena renjatan elektrik

Selain cedera yang mengakibatkan komplikasi pada badan seperti kekejangan otot dan kerosakan neurologikal, kejutan elektrik juga boleh menyebabkan kematian.

JAM dinding pejabat hartanah di Petaling Jaya, Selangor itu sudah menunjukkan pukul 6 petang. Lazimnya, **Nadia Nassri**, 31, yang bertugas sebagai penilai hartanah sudah bersedia untuk pulang ke rumah, namun pada hari itu terdapat beberapa tugas penting yang perlu diselesaikan segera.

Sedang khusyuk menyelesaikan tugas, telefon bimbitnya berbunyi menandakan terdapat mesej baharu. Dia meneliti mesej itu yang datangnyanya daripada ibunda tersayang.

Ibunya menghantar mesej yang melaporkan seorang pelajar universiti di Korea Selatan maut dipercayai terkena renjatan elektrik daripada alat pemanas air di dalam bilik air rumah keluarganya di Garden Homes, Seremban 2, Negeri Sembilan. Kejadian itu berlaku pada 26 Julai 2016.

"Berita itu menyentak saya kerana saya merupakan individu yang hampir setiap hari akan menggunakan alat pemanas air terutamanya pada waktu pagi," katanya yang mengakui tidak tahan dengan air sejuk.

Punca kemalangan

Sejak menerima mesej itu sekitar Julai tahun lalu, Nadia mula meningkatkan kesedarannya mengenai kemalangan elektrik yang bukan sahaja boleh berlaku ketika berada dalam bilik mandi malah di mana-mana kawasan kediaman termasuk di pejabat.

Selain cedera yang mengakibatkan komplikasi pada badan seperti kekejangan otot dan kerosakan neurologikal, kejutan elektrik juga boleh menyebabkan kematian.

Sebelum itu, pada April 2016, isteri seorang anggota polis maut terkena renjatan elektrik semasa membuat panggilan telefon bimbit yang sedang dicas di kediamannya di Cheras, Kuala Lumpur. Wanita itu disahkan meninggal ketika menerima rawatan di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kejadian seumpama itu bukan tragedi baharu di negara ini.

Menurut laporan Suruhanjaya Tenaga, sebanyak 48 kes kemalangan elektrik telah berlaku di negara ini pada 2015 dengan jumlah kematian dicatatkan 30 orang, manakala 54 kes kemalangan dan 28 maut (2016).

Antara punca kemalangan itu berlaku disebabkan pemasangan dan penggantian perkakasan elektrik yang tidak sempurna.

Pengarah Kawal Selia Keselamatan Elektrik Suruhanjaya Tenaga, Mohd. Elmi Anas berkata, sebanyak 35.5 peratus daripada kes-kes kemalangan elektrik berpunca daripada pemasangan dan penggantian tidak sempurna.



POW LEONG



MOHD. ELMI

SAMBUNGAN... KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 31 TARIKH : 20 JANUARI 2017 (JUMAAT)

“Sebanyak 30.4 peratus pula berpunca daripada prosedur tidak selamat dipatuhi dan 11.6 peratus akibat aktiviti kerja orang awam berhampiran lokasi elektrik.”

“Selain itu, pencerobohan di kawasan pemasangan elektrik, salah guna sistem pendawaian dan kecacatan pada perkakas atau peralatan elektrik turut direkodkan sebagai punca kemalangan elektrik,” ujarnya pada Kempen ElectroSafety 2017 di Petaling Jaya baru-baru ini.

Antara lokasi kemalangan elektrik tertinggi berlaku adalah di pencawang elektrik dengan 11 kes dicatatkan pada tahun 2016 manakala kediaman pula kedua tertinggi dengan lima kes.

Garis panduan

Kes-kes lain pula berlaku di kilang industri, premis swasta dan kerajaan, ladang serta pihak berkuasa tempatan.

Suruhanjaya Tenaga sentiasa meningkatkan kesedaran kepada setiap individu dan industri berkaitan elektrik tentang pelaksanaan yang betul mengenai perlindungan elektrik dan keselamatan produk atau alat berkaitan.

Suruhanjaya Tenaga percaya kejutan elektrik dan kebakaran yang disebabkan oleh elektrik boleh dielakkan atau dikurangkan dengan ketara jika semua pihak termasuk konsultan elektrik, pengeluar, pengimport dan kontraktor mengambil tanggungjawab untuk sentiasa mematuhi pemasangan dan penyelenggaraan yang baik dan selamat.

“Reka bentuk, pemasangan, pengujian dan penyelenggaraan perlu dilakukan mengikut kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 bersama garis panduan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga dan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.”

“Malah, semua pembaikan kerja-kerja elektrik yang melibatkan risiko tinggi mesti dilakukan mengikut prosedur keselamatan yang betul,” jelasnya lagi.

Kempen anjuran syarikat pengurusan tenaga dan automasi, Schneider Electric itu juga bermatlamat untuk mendidik orang awam mengenai kepentingan



CONTOH papan agihan bekalan elektrik yang dipasang pada dinding setiap rumah.



ANTARA kesan kemalangan elektrik adalah melecur dan terbakar tisu badan. – Gambar hiasan

melaksanakan perlindungan elektrikal yang betul dan perkakas elektrik yang selamat bagi mengurangkan kecederaan renjatan elektrik.

Presiden Schneider Electric Malaysia, Soo Pow Leong berkata, ramai masyarakat tidak sedar rumah dan tempat kerja yang dilengkapi dengan alat pemutus litar hanya melindungi peranti berbanding individu itu sendiri.

“Manusia terdedah kepada

bahaya kejutan elektrik dan jika tiada pelaksanaan yang betul bagi perlindungan elektrik, pelbagai risiko kemalangan akan berlaku,” katanya.

Litar pintas

Menerusi kempen yang dijalankan, Schneider Electric memperkenalkan pemutus litar arus baki dengan perlindungan arus beban lebih (RCBO) yang dapat membantu memberi perlindungan dan menutup kuasa elektrik serta merta apabila ia mengesan litar pintas.

“Alat itu berfungsi mengesan 10 miliAmpere (mA) sukatan arus dan jika penggunaan elektrik melebihi hadnya, RCBO akan serta merta menutup talian elektrik secara automatik,” jelasnya sambil menunjukkan alat berkenaan yang boleh dipasang pada papan agihan bekalan elektrik di rumah.

Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, Pow Leong memaklumkan, arus dari 0 hingga 10mA hanya memberikan kesan seperti mencucuk serta sengal ringan dan tidak menyakitkan, sebaliknya arus dari 10mA hingga 40mA menyebabkan kekejangan otot.

“Disebabkan itu mereka yang terkena renjatan elektrik tidak boleh melepaskan peralatan yang menjadi sumber kepada renjatan kerana otot tangannya kejang,” jelasnya.

INFO Kes-kes kemalangan elektrik

■ 16 November 2013: Seorang pekerja kontrak maut setelah terkena renjatan elektrik di sebuah tapak pembinaan di kaki Bukit Kanada berhampiran jejantas Bulatan Puchong di Miri, Sarawak.

■ 29 Januari 2016: Seorang pekerja syarikat pembetulan maut akibat terkena renjatan elektrik ketika mengendalikan kerja-kerja di loji Indah Water di Taman Cheras Utama, Cheras, Kuala Lumpur.

■ 18 April 2016: Ibu kepada dua cahaya mata maut dipercayai akibat terkena renjatan elektrik semasa bercakap menggunakan telefon bimbit yang sedang dicas dalam satu kejadian di Taman Desa Baiduri, Cheras, Kuala Lumpur.

Guna perkakas elektrik yang mendapat kelulusan SIRIM

SABAN hari di dada-dada akhbar ada memaparkan berita mengenai kemalangan elektrik yang berlaku di seluruh negara.

Kesan daripada kemalangan itu, ada yang mengalami kontraksi otot, kerosakan pada sistem saraf dan kemusnahan pada tisu kulit. Malah, lebih teruk kemalangan elektrik juga boleh menyebabkan kematian.

Jurutera Pemasaran Produk Schneider Electric Malaysia, Mazliazhar Abdul Latif berkata, kemalangan elektrik boleh berlaku di mana-mana dan kepada sesiapa sahaja termasuk

orang dewasa dan kanak-kanak.

"Misalnya, kita sering terdengar ramai individu maut semasa mandi akibat renjatan elektrik tetapi dalam kajian yang dijalankan, kami dapati mereka maut disebabkan faktor-faktor lain seperti terdapat kebocoran pada lampu.

"Disebabkan ketika mandi, air itu mengalir dan ada juga yang bertakung di lantai jadi ia meningkatkan lagi risiko maut tersebut," katanya



MAZLIAZHAR

ketika ditemui pada Kempen ElectroSafety 2017 di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Tambahnya, berbeza dengan cerek elektrik atau pengering rambut, selepas terkena renjatan itu, mangsa akan terus melepaskan perkakas berkenaan akibat tindakan refleksi.

"Bagi mengelakkan kemalangan elektrik akibat kecuaiian, pengguna boleh memasang pemutus litar arus baki dengan

perlindungan arus beban lebih (RCBO) atau periksa perkakas yang digunakan.

"Pastikan alatan itu juga mendapat kelulusan dari Suruhanjaya Tenaga dan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)," ujarnya.

RCBO adalah kombinasi pemutus litar arus baki (RCCB) dan pemutus litar kecil (MCB) yang bertindak sebagai perlindungan daripada litar pintas, lebihan beban dan renjatan elektrik akibat kebocoran.



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Isnin

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut berkelajuan 40 hingga 50 km sejam dijangka melanda perairan Kelantan, Terengganu, Sabah dan Wilayah Persekutuan hingga Isnin ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataannya hari ini berkata keadaan itu turut berlaku di perairan Samui, Condore, Layang-Layang, Reef North, Labuan, Palawan dan Sulu.

Ombak yang mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut

-- BERNAMA